

MEDAN BAHASA

Keputusan Kongres dan Sambutan Masyarakat

Isi syarahan di radio Malaya yang telah disiarkan pada 7 Januari 1957 dalam ruangan “Bahasa dan Persuratan Melayu” – P.Q.

(Oleh: Abdullah Basmeh)

Bagi menghadapi zaman kemerdekaan Tanah Melayu, bagi menghadapi zaman bangsa Melayu tegak berdiri di tanah airnya di atas dasar Islam yang suci, yang sedang diperjuangkan terus menerus dan akan tercapai - dengan hidayah Allah yang Maha Kuasa – tidak lama lagi, maka pencinta-pencinta bahasa dan cerdik pandai kita telah bekerja keras menegakkan bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan yang berdaulat dan melangkah lebih jauh lagi iaitu berikhtiar hendak menyatukannya dengan bahasa Indonesia.

Bagi menjayakan cita-cita yang mulia ini, kira-kira enam puluh buah Badan Bahasa dan Kebudayaan telah selamat berkongres pada bulan September 1956 yang lalu.

Sebagaimana yang telah diisytiharkan, banyak keputusan telah diambil oleh Kongres, di antaranya ialah :

1. Membentuk badan tetap Kongres.
2. Membentuk Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Menyatukan Bahasa Melayu dengan Bahasa Indonesia.
4. Menyatukan ejaan rumi semenanjung dengan

ejaan Indonesia.

5. Membentuk satu badan yang diberi tugas memelihara tulisan Melayu (jawi) supaya kekal hidup di Malaya dan menyampaikan ejaannya dengan ejaan tulisan jawi yang sedang digunakan di Indonesia.

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang baharu selesai menjalankan tugasnya dengan lebih teratur dan lebih besar daripada dua Kongres yang telah diadakan dahulu, adalah menjadi tumpuan harapan rakyat Melayu. Adalah menjadi tumpuan harapan rakyat Melayu yang insaf dan sedang resah gelisah kerana melihatkan Bahasa Melayu masih ditindas dengan berbagai-bagai cara dan angkara.

Sekarang rakyat Melayu sedang menunggu hasil Kongres, sedang menunggu buahnya yang lazat cita rasanya, sedang menunggu bukan sahaja Bahasa Melayu berdaulat dan menjadi penampung ilmu pengetahuan sejajar dengan bahasa-bahasa dunia yang maju, tetapi menghendaki supaya ia

bersifat kemelayuan, tinggi mutunya, fasih bunyinya, kemas betul ikatan ayat-ayatnya, dan teratur ejaannya.

Kesedaran masyarakat yang insaf ini telah timbul ialah kerana melihatkan pada masa yang akhir-akhir ini, Bahasa Melayu telah dicabuli. Bahasa Melayu telah dicabuli dengan cara yang salah dan menyimpang dari jalan bahasa dan peraturan Bahasa Melayu yang sebenarnya; sehingga bukan sedikit dari antara penulis-penulis dan pengarang-pengarang, lebih-lebih lagi wartawan dan sasterawa, bukan sedikit yang tidak dapat membezakan yang mana bahasa persuratan, yang mana bahasa pertuturan dan yang mana bahasa pasar. Semuanya dirangkum sama, dengan menggunakan dasar “tangkap muat”, lalu diarak ke hulu ke hilir dan diagung-agungkan sebagai karangan yang bermutu, sebagai karangan yang bernilai sastera!

Semaklah karangan-karangan mereka, baik yang telah dijadikan buku, atau yang dimuat di dalam majalah-majalah dan akhbar - bulanan, mingguan atau harian, akan didapati contoh-contoh berlambak-lambak. Kata-kata yang sepatutnya ditulis dalam karangan persuratan yang bermutu, seperti perkataan: khabar, dahulu, sahaja, baharu dan lain-lainnya, telah hilang lesap, tidak tentu hutan rimbanya. Apa yang ada? Yang ada ialah sebaliknya, kata-kata pertuturan, kata-kata pasar seperti: “kabar” “dulu,” “saja” dan “baru”. Kalau ditanya: Mengapa “khabar” ditulis “kabar”? mereka akan berdalil: bahawa mengikut hukum fonologi, bunyi “h” dan lain-lain bunyi yang sebanyak empat belas huruf itu tidak ada pada lidah Melayu. Tetapi hukum fonologi ini, tidak pula dipegang oleh mereka dengan kukuh?! Dalam masa mereka menulis perkataan “kabar” kira-kira sebaris dua bawahnya, kita akan tersua mereka menulis perkataan “akhbar”, iaitu menurut hukum ponitik atau bunyi bahasa asalnya. Mengapa



*Masjid Bandaraya Pulau Pinang, salah sebuah masjid yang indah
Di Tanah Melayu.*

mereka menulisnya mengikut “fonologi” yang menghendaki supaya perkataan diputar-kan kepada bunyi : “akbar” atau “ahbar”?

Suatu contoh lagi, perkataan “*istilah*” telah dirosakkan menjadi “istilah”. Kalau ditanya sebabnya, mereka akan mengemukakan hukum fonologi yang menetapkan bahawa bunyi huruf H,S dan T yang tercantum dalam perkataan “istilah” itu bukan bunyi Melayu. Tetapi sebaris dua bawahnya, kita akan tersua mereka menulis berpuluh-puluh perkataan memakai huruf H, S dan T. Misalnya: halal, haram,sifat, sabar, tamak, watan, dan sebagainya.

Yang peliknya. Kaedah salah yang demikian ini, bukan sahaja dilakukan oleh penulis-penulis yang bukan ahli bahasa, tetapi dilakukan juga oleh setengah ahli-ahli bahasa, hingga yang bergelar doktor dan profesor; baik yang di Tanah Melayu ataupun yang di Indonesia!

Di Indonesia hukum fonologi ini telah digunakan

dalam tulisan ruminya, sehingga bukan sahaja beratus-ratus perkataan Arab yang bertali dengan Islam telah dirosakkan, bahkan nama Allah ‘*Azza wa Jalla*’ telah diperkosa dengan tidak disedari ataupun disedari. Misalnya: Abdul Ghani (Abdul Ghani) telah menjadi Abdul Gani (Abdul Gani) padahal boleh ditulis dengan betul menurut tulisan rumi Indonesia dengan menggunakan huruf “Gh”.

Rasanya tidak terselindung kepada siapa-siapa pun bahawa aliran fonologi ini telah ditimbulkan oleh ahli-ahli bahasa yang bukan Melayu dan bukan pula Islam. Hukum fonologi ini memang sesuai dengan lidah mereka yang tebal pelatnya, tidak fasih seperti lidah Melayu. Ahli-ahli bahasa yang demikian sifatnya adalah ibarat orang yang marahkan tanah: Tinggi rendah padahal dialah yang tidak tahu menari!

Marahkan kefasihan lidah Melayu, lalu dikatakannya kearaban!

Hukum fonologi ini – yang tidak syak lagi bertujuan hendak mengikis kesan-kesan Islam dalam persuratan Melayu dan Indonesia – telah diterima oleh Kongres baharu-baharu ini. Tetapi Kongres telah berbalik semula menerima bunyi “sh” dan “z” (“sh” dan “z”) menjadi bunyi Melayu, iaitu sesudah ahli-ahli jawatankuasa ejaan Kongres, tertumbuk kepada beratus-ratus kata-kata yang pejal dan telah sebatu menjadi darah daging lidah Melayu, seperti: syor, syair, syarikat, masyarakat, syahid, syukur, dan sebagainya. Dan yang berbunyi “z” pula seperti zakat, zamzam, zahrah, dan sebagainya.

Selain daripada itu, oleh kerana jawatankuasa ejaan Kongres ini baik hatinya, maka kata-kata yang menggunakan huruf “dh” dan “z” seperti: izin,

azan, zuriat, zalim, zohor dan zahir, telah diangkut dan dilonggokkan semuanya kepada huruf “z” sahaja, yakni dijadikan anak angkatnya. Begitu juga kalau ahli-ahli Kongres hendak mengubah rasa dan mencari sedap selera maka perkataan zohor dan zahir boleh ditulis: lohor dan lahir, tidak ada halangannya – menurut keputusan Kongres.

[Sayugia disebut, penerimaan Kongres akan bunyi “sha” dan “za” sebagaimana yang diterangkan tadi adalah menjadi suatu pengakuan rasmi dari pihak Kongres, bahawa tembok fonologi sekarang sudahlah bobos dengan wujudnya dua lubang besar ditengah-tengahnya iaitu lubang “sh” dan lubang “z”. Mudah-mudahan dengan usaha ahli-ahli bahasa kita yang insaf pada masa yang akan datang akan wujud pula beberapa buah lubang lagi sehingga tembok itu runtuh dengan sendiri.

Atas apa-apa hal pun, jelaslah sekarang. Bahawa keputusan Kongres berkenaan soal “ejaan rumi dan ilmu bunyi bahasa Melayu” bukanlah berdasarkan “fonologi” seperti yang tercatat dalam surat-surat keputusannya dan tidak pula berdasarkan “fonetik” tetapi berdasarkan “nefologi”!]

Mengenai bunyi “ ’ ” (ain), “ ’ ” (hamzah) dan “*th*” (tha), tempatnya “ahli jawatankuasa ejaan Kongres” berpecah dua. Sebahagian mahu menurut fonologi Indonesia bulat-bulat dan sebahagian lagi tetap mempertahankan kaedah ejaan Melayu Semenanjung iaitu menuliskan kata-kata Arab dengan betul atau sehampir-hampirnya.

Jelaslah, ejaan rumi yang telah diputuskan oleh Kongres, ada di antaranya yang tidak dapat ditetapkan, bahkan telah dibiarkan terbengkalai begitu sahaja, sehingga dijalankan siasatan yang lebih lanjut, dan oleh kerana masih belum “ijmak”, masih ada “masalah-masalah

khilafiyahnya” maka hal ini terserah kepada *dhawq* atau rasa si penulis atau si pengarang. Kalau ia daripada orang-orang yang cermat dan menghormati kata-kata Arab yang bertali dengan agama Islam maka ia akan menulisnya menurut ejaan yang biasa dipakai di Tanah Melayu dan sedang dipakai oleh penulis-penulis dan pengarang-pengarang Islam di Indonesia. Tetapi kalau si penulis atau si pengarang itu dari golongan orang-orang yang tidak mengambil berat kepada kata-kata Arab yang bertali dengan Islam, maka ia akan menulis menurut ejaan rumi Indonesia yang berdasarkan fonologi, yang pada hakikatnya telah diatur oleh orang-orang yang bukan Islam dan masih ditentang oleh cerdik pandai Indonesia yang berjiwa Islam.

Setakat mana kacaunya dan kelirunya ejaan

Indonesia yang berdasarkan fonologi itu boleh didapati tergambar dengan sejelas-jelasnya dalam tiga perkataan yang saya sajikan di sini iaitu: “mukmin”, “nikmat” dan “hikmat” - mukmin, nikmat dan hikmat. Ketiga-tiganya memakai huruf “k” di tengahnya, tetapi huruf “k” ini boleh menjelma kepada tiga kuasa. Dalam perkataan mukmin (mukmin), huruf “k” itu menjadi “ ’ ”, dalam perkataan nikmat (nikmat) ia menjadi “ ‘ ” dan dalam perkataan hikmat (hikmat) ia berkuasa penuh menjadi “k”.

Kekacauan inilah yang sedang dibawa ke Tanah Melayu.

Tetapi saya rasa, hanya orang-orang yang berpendirian “kacau” atau “muzabzab” yang akan menjadi pak turut dengan tidak bersoal jawab lagi!



Jamuaan nasi kerana memberi selamat pertukaran. Abu Bakar Ahmad kerani Pejabat Agama dan Kebajikan Masyarakat Brunei (duduk nombor 8 dari kiri) dan Pangiran Ahmad penolong pegawai Daerah Brunei- Muara (duduk nombor 2 dari kiri) yang akan berlatih di Pejabat Radio Sarawak selama tiga bulan untuk menjadi juru hebah Radio Brunei pada awal tahun hadapan, bergambar kenang-kenangan perpisahan dengan sahabat-sahabat mereka guru-guru agama Brunei dan lain-lain sahabat pada malam Khamis 13 Disember 1956 yang lalu di rumah Cikgu Ahmad Marzuki Bandar Brunei. Kiriman Cikgu Abdul Rahman Haji Hashim.